

TESIS PRA LAPANGAN KAJIAN DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Tesis Pra Lapangan Kajian Dalam Penyelidikan Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

PENGENALAN

Maksud tesis pra lapangan dalam penyelidikan kualitatif ialah tulisan cadangan untuk mengada atau menjalankan sesuatu. Dalam kes artikel ini tesis pra lapangan adalah tulisan cadangan untuk menjalan atau melaksanakan penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Justeru, artikel ini cuba menfokuskan tesis pra lapangan dalam penyelidikan kualitatif dari segi, keperluan, persediaan menulis, kandungan, dan perbincangan pra lapangan yang baik vs proposal buruk.

TESIS PRA LAPANGAN KAJIAN DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF*

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Maksud tesis pra lapangan dalam penyelidikan kualitatif ialah tulisan cadangan untuk mengada atau menjalankan sesuatu. Dalam kes artikel ini tesis pra lapangan adalah tulisan cadangan untuk menjalan atau melaksanakan penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Justeru, artikel ini cuba menfokuskan tesis pra lapangan dalam penyelidikan kualitatif dari segi, keperluan, persediaan menulis, kandungan, dan perbincangan pra lapangan yang baik vs proposal buruk.

PERANAN TESIS PRA LAPANGAN KAJIAN

Proposal penyelidikan memainkan tiga peranan utama antara, iaitu panduan untuk penyelidik, panduan untuk penyelia, dan buku perjanjian.

Panduan untuk penyelidik

Tesis pra Lapangan direkabentuk pada hakikatnya menjadi panduan kepada penyelidik yang akan melaksanakan penyelidikan mereka. Dari tesis pra lapangan yang dibina, pengkaji sudah mendapat maklumat yang cukup tentang aspek kajian yang ingin dicapai, iaitu dari segi objektif, skop, matlamat, teori asas, persempelan, dan pengkaedahan. Dengan adanya tesis pra Lapangan, pengkaji tidak akan tersesat terlalu jauh daripada tujuan asal pengkajian mereka. Hal ini kerana tesis pra lapangan dianggap sebagai peta untuk menuju kepada matlamat yang ingin dicapai. Dalam kes kajian kualitatif, tesis pra lapangan menjadi panduan umum kepada kajian yang hendak dijalankan. Hal ini kerana kebanyakan jenis kajian kualitatif akan menghasilkan teori tersendiri. Hasil dapatan yang terhasil kadang kala menjadikan pengkaji terpaksa mengrivirus kembali tesis pra lapangan yang telah dihasilkan untuk disesuaikan dengan dapatan yang terhasil.

Panduan untuk penyelia

Selain panduan kepada pelajar, penulisan tesis pra lapangan juga menjadi panduan kepada penyelia yang akan menjadi penunjuk jalan kepada penyelidik. Selain itu, tesis pra lapangan juga sebagai alat untuk memberitahu kepada pensyarah bidang kajian yang diminati dan penyediaan tesis pra lapangan itu juga mampu mempengaruhi siapakah kepada penyelidik untuk memilih penyelia yang betul sesuai dengan bidang kajian yang ingin dikajinya.

Umumnya, penyelia menjadi fasilitator kepada penyelidik kerana pengalaman yang telah dilalui boleh membantu penyelidik agar mencapai tahap dan takat yang standard dalam

* Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

penyelidikan kualitatif khususnya dari segi kesahan dan kebolehpercayaan bagi peringkat sarjana dan doktor falsafah sekalipun rekebentuk penyelidikannya adalah berbeza dengan pengalaman yang pernah dilalui oleh penyelia.

Buku perjanjian

Penulisan tesis pra lapangan boleh dianggap sebagai buku perjanjian penyelidik kepada penyelia, iaitu dari segi apa yang ingin dilaksanakan, masa yang diperuntukan, kewangan yang akan dibelanjakan terhadap penyelidikan yang dijanjikan. Penulisan tesis pra lapangan ini juga Menggambarkan bahawa pengkaji bersedia secara independent untuk membuat kajian dan berupaya membincangkannya secara jelas dan baik.

PERKARA PENTING SEBELUM MENULIS TESIS PRA LAPANGAN

Terdapat tiga perkara penting yang perlu ada sebelum seseorang itu menulis tesis pra Lapangan, iaitu melihat pengalaman diri sendiri, membuat kajian terhadap penyelia dan membaca perkara yang bersangkutan paut dengan dua perkara yang telah dijelaskan. Gabungan daripada ketiga-tiga perkara ini mampu menghasilkan tesis pra lapangan yang baik seterusnya memastikan pengajian tamat dengan baik.

Pelajar berdikari	Mungkin Berjaya	Mudah Berjaya	Sangat Berjaya
Pelajar Sederhana	Sukar berjaya	Mungkin Berjaya	Mudah Berjaya
Pelajar Lemah	Sukar Berjaya	Sukar Berjaya	Mungkin Berjaya
	Penyelia Menyusahkan	Penyelia <i>Touch & Go</i>	Penyelia Membantu

Rajah 2.1 Hubungan penyelia dan pelajar serta kesannya kepada kejayaan penyelidikan

Melihat pengalaman diri sendiri ialah pengkaji harus melihat kekuatan diri khususnya aspek yang melibatkan kepada minatnya dalam bidang apa yang diceburi pada masa semasa dan dalam bidang spesifik yang mana pula dia perlu memperdalaminya daripada bidang yang diceburinya untuk pada masa akan datang. Dengan ini, kesungguhan untuk mencapai hasil daripada kajian itu akan lebih mantap dan jitu.

Kejayaan sesuatu kajian juga banyak berkait rapat dengan penyelia yang baik. Penyelia mempunyai tiga jenis watak, iaitu penyelia yang membantu pelajar, penyelia yang bersifat *touch and go* dan penyelia yang menyusahkan pelajar. Begitu juga sifat pelajar ada tiga, sifat pelajar, iaitu pelajar yang boleh berdikari dalam kajiannya, pelajar yang kadangan kala perlu dibantu, dan pelajar lemah yang tidak boleh melakukan kajian melainkan dibantu. Gambaran hubungan antara penyelia dan penyelidik dan kejayaannya dalam menjalankan penyelidikan boleh dilihat dalam Rajah 2.1

KANDUNGAN TESIS PRA LAPANGAN PENYELIDIKAN KUALITATIF

Terdapat perbezaan sedikit antara penyelidikan kualitatif dengan kuantitatif, iaitu dari segi kerangka teori merupakan aspek pilihan sama ada ingin diletakkan atau tidak bergantung kepada kajian yang ingin dijalan. Sebagai contoh untuk kajian yang berbentuk *grounded*

theory sememangnya kerangka kajian ini tidak diperlukan. Pada umumnya terdapat susunan yang perlu ada dalam menulis tesis pra lapangan penyelidikan kualitatif, iaitu:

- (1) Bab 1: Pengenalan
 - (a) Tajuk kajian
 - (b) Pendahuluan dan latarbelakang
 - (c) Permasalahan kajian
 - (d) Tujuan kajian
 - (e) Objektif kajian dan persoalan kajian
 - (f) Kerangka konseptual kajian/kerangka teoritikal kajian
 - (g) Kepentingan kajian
 - (h) Limitasi kajian
 - (i) Defenisi operasi kajian

- (2) Bab 2: Tinjauan kepustakaan

- (3) Bab 3: Metodologi kajian
 - (a) Metodologi kajian
 - (b) Rekabentuk kajian
 - (c) Responden dan sampel kajian
 - (d) Lokasi kajian
 - (e) Instrumen kajian
 - (f) Tatacara atau **prosedur pemerolehan data**
 - (g) **Tatacara penganalisan data**
 - (h) Jadual kerja

- (4) Rujukan

Setiap bahagian daripada pembahagian ini akan dikupas dengan mendalam dengan disertakan senarai semak dalam subtajuk perbincangan seterusnya.

BAB PERTAMA DALAM TESIS PRA LAPANGAN

Bab pertama dalam penulisan tesis pra lapangan terkandung tajuk kajian, pendahuluan dan latarbelakang, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian, kerangka konseptual kajian/kerangka teoritikal kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan defenisi operasi kajian.

Tajuk Kajian

Tajuk kajian dalam penyelidikan kualitatif mestilah menggambarkan bidang kualitatif yang ingin dikaji. Tajuk tidak terlalu luas tetapi mendalam dalam sesuatu kajian yang ingin dijalankan. Tajuk dalam penyelidikan kualitatif tidak muktamad sehinggalah terhasilnya dapatan kajian yang menentukan adakah tajuk kajian itu benar-benar seperti yang dirancang atau perlu kepada pengubahsuaian agar bersesuaian dengan dapatan kajian.

Pendahuluan dan Latarbelakang

Pendahuluan dan latarbelakang kajian ialah sejarah kepada masaalah kajian yang membincangkan situasi timbulnya masalah yang akan dikaji. Keberkesanan perbincangan ini boleh dilihat pada kemampuannya untuk menampakkan masalah berkenaan dan pentingnya untuk diteliti dan didalami (Creswell, 1994: 42).

Jadual 2.1 Senarai semak pendahuluan dan latar belakang kajian

Bil.	Perkara	(Y/T)
(1)	Menyatakan senario semasa yang berkaitan dengan masalah kajian secara keseluruhan	
(2)	Membincangkan beberapa sub-idea masalah kajian di atas yang disokong oleh rujukan	
(3)	Membincangkan secara ringkas konsep masalah kajian	
(4)	Menjuruskan kepada satu sub-idea dari beberapa sub-idea masalah kajian di atas yang disokong oleh 2-3 rujukan yang menjadi "landmark" kepada topik kajian.	

Jadual 2.1 merupakan senarai semak yang perlu dilihat oleh pengkaji untuk menilai isi kandungan latar belakang kajian yang ditulis oleh mereka.

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ialah tempat untuk menerangkan hubungan yang membawa kepada kajian juga untuk memperkenalkan pendekatan analisis umum yang akan digunakan dalam kajian.

Jadual 2.2 Ujian kemungkinan permasalahan kajian

Bil.	Kenyataan	(Y/T)
(1)	Adakah permasalahan kajian berkaitan dengan keperluan atau minat semasa?	
(2)	Adakah hasil kajian mempunyai nilai sosial, pendidikan atau saintifik?	
(3)	Adakah hasil kajian boleh dilaksanakan?	
(4)	Adakah hasil kajian boleh memberikan nilai tambah ilmu?	
(5)	Adakah kajian menimbulkan permasalahan baru dan mendorong kepada sebuah penyelidikan yang baru?	
(6)	Adakah permasalahan kajian penting?	
(7)	Adakah anda akan berbangga dengan hasil kajian yang bakal diperolehi?	
(8)	Adakah ruang yang cukup diberikan pada kajian lapangan?	
(9)	Adakah anda mendapat jawapan terhadap permasalahan kajian melalui penyelidikan?	
(10)	Adakah anda dapat menyelesaikan permasalahan kajian dengan baik?	
(11)	Adakah anda mempunyai cukup masa dan tenaga untuk menjalankan penyelidikan ini?	
(12)	Adakah praktikal menjalankan penyelidikan ini?	
(13)	Adakah penyelidikan ini bebas dari segala isu etika dan batasan?	
(14)	Adakah penyelidikan ini mempunyai sebarang nilai?	
(15)	Adakah anda mempunyai sebarang ilmu pengetahuan atau kepakaran menjalankan penyelidikan ini? Adakah anda layak menjalankan penyelidikan ini?	
(16)	Adakah masalah kajian ini penting bagi anda dan anda begitu bermotivasi menjalankan penyelidikan ini?	
(17)	Adakah penyelidikan ini sesuai dengan keadaan anda?	
(18)	Adakah anda mempunyai dana yang cukup untuk menjalankan penyelidikan ini?	
(19)	Adakah anda mampu menjalankan penyelidikan ini dalam masa yang ditetapkan?	
(20)	Adakah anda mempunyai kemudahan pentadbiran, statistik dan komputer bagi menjalankan penyelidikan?	

Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Wiersma (1995: 404): *“The problem statement describes the context for the study and it also identifies the general analysis approach”*. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Creswell (1994, 50) yang menyatakan pula bahawa permasalahan kajian mestilah mendefinisikan isu yang wujud dalam kajian perpustakaan, teori, dan pengamalan yang membawa kepada keperluan sesuatu itu untuk dikaji.

Permasalahan juga mestilah mengenengahkan sesuatu yang baru dan berbeza berbanding dengan kajian yang hendak dijalankan atau telah dikaji. Selain sesuatu yang baru, perkara yang hendak dikaji mestilah mempunyai daya tarikan dan mempunyai nilai tambah kepada ilmu dan teori baru (Pajares, 2007). Untuk menentukan permasalahan yang ditimbulkan benar-benar boleh dikaji atau tidak, pengkaji perlu menjawab soalan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.3 Senarai semak kandungan permasalahan kajian

Bil.	Perkara	(Y/T)
(1)	Mengenalkan latarbelakang topik secara umum dan mengenalkan topik kajian dengan huraian ringkas	
(2)	Membuktikan kewujudan masalah kajian (dengan data/jadual jika ada) berdasarkan rujukan yang sah sama ada buku, jurnal, artikel, prosiding, laporan dan sumber lain	
(3)	Mengulas masalah kajian dalam konteks usaha-usaha penyelesaian yang telah diambil dari aspek program / aktiviti / dasar / cadangan / resolusi dan lain-lain yang dijalankan	
(4)	Mengulas masalah kajian dalam konteks kajian lepas (tajuk) yang berkaitan/hampir sama dalam bidang kajian yang dikaji dengan: (a) Mengemukakan secara ringkas sampel dan dapatan kajian (b) Meneliti aspek-aspek yang dikaji dan belum dikaji dalam kajian-kajian tersebut (membanding beza aspek seperti konsep, elemen, pembolehubah, dan metodologi kajian seperti sampel, instrumen dan prosedur)	
(5)	Berdasarkan maklumat dalam 3 dan 4, mengenengahkan ‘jurang’ (gap) yang wujud antara penyelesaian yang telah dibuat dan penyelesaian yang belum diambil tindakan. Perbincangan perlu merujuk kepada aspek kajian yang berkaitan dengan masalah kajian yang telah dijalankan dan belum dijalankan	
(6)	Berdasarkan ‘jurang’ (gap) di atas, jadikan rasional/keperluan menjalankan kajian ke atas tajuk yang dipilih	
(7)	Menyatakan ‘framework’ atau arah tuju kajian dalam bentuk hasil/dapatan yang hendak dicapai dan manfaatnya kepada pihak-pihak tertentu	

Sumber: rujuk Creswell (2005); McMillon & Schumacher (2000)

Senarai semak isi kepada permasalahan kajian Manakala senarai semak latar belakang pula seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Tujuan Kajian

Satu matlamat umum yang ingin dicapai daripada penyelidikan ditulis dalam bahagian ini. Matlamat yang dijelas dan ditulis mestilah merujuk kepada tajuk kajian dalam satu perenggan yang ringkas dalam satu ayat atau gabungan dua ayat (Locke et.al., 1987: 5). Sebagai contoh “Kajian kefahaman & penerimaan non-Muslim terhadap 1 Malaysia di Malaysia: kajian kes di SJCK Chong Hwa di Johor Bahru.” Maka, matlamat bagi kajian ini sewajarnya dijelaskan seperti berikut, iaitu “Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kefahaman dan penerimaan golongan Non Muslim di JCK Chong Hwa terhadap konsep 1 Malaysia.

Jadual 2.4 Senarai semak tujuan kajian

Bil	Perkara	(Y/T)
(1)	Menghuraikan secara am arah tujuan kajian dalam bentuk matlamat kajian dengan menggunakan tajuk kajian sebagai asas dimana setiap konstruk dan konsep yang mendokonginya (pembolehubah dalam objektif kajian) dihuraikan secara ringkas maksudnya.	

Jadual 2.4 merupakan senarai semak yang perlu dilihat oleh pengkaji dalam menentukan tahap kecukupan tujuan kajian.

Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Objektif kajian bolehlah dianggap jantung kepada sesebuah kajian. Objektif yang baik membantu kepada kejayaan kajian atau penyelidikan yang dijalankan kerana peranan objektif adalah untuk menggambarkan matlamat khusus sesebuah kajian. Perangkaan objektif mestilah didasarkan kepada kemampuan masa dan kos yang boleh dicapai oleh pengkaji, bersifat realistik, dan selari dengan permasalahan kajian (Pajares, 2007).

Objektif juga tiada standard yang khusus dari segi jumlah objektif yang perlu dirancang oleh seseorang penyelidik. Namun jumlah objektif adalah bergantung kepada jumlah jam kredit sesuatu pengajian sama ada pengajian itu 12 kredit, 24 kredit, dan 36 bagi peringkat Sarjana atau sebanyak 60 kredit atau 120 kredit bagi peringkat doktor falsafah.

Apa yang lebih penting bahawa penentuan sama ada penyelidikan berjaya, separuh jaya atau gagal diukur berdasarkan pencapaian objektif sesebuah penyelidikan. Hal ini kerana objektif merupakan batu loncatan bagi menjawab persoalan kajian. Selain itu, objektif merupakan tempat utama untuk menyatakan hasrat dan tempat penjelasan utama apakah pengetahuan yang sepatutnya dihasilkan.

Jadual 2.5 Senarai semak objektif dan persoalan kajian kualitatif

Bil.	Perkara	(Y/T)
(1)	Memastikan ayat objektif kajian menggambarkan 'penerokaan' kearah memahami: (a) Bagaimana sesuatu konstruk itu dikonsepsikan/diterjemahkan, atau (b) Bagaimana proses/pendekatan sesuatu konstruk itu dilakukan, atau (c) Apa (konsep/langkah/teknik/strategi) yang terkandung dalam sesuatu konstruk itu. (d) Apakah cadangan (contoh: model, pendekatan, strategi dan lain-lain) yang akan diketengahkan hasil daripada dapatan ini.	
(2)	Memastikan senarai objektif kajian mewakili semua konsep/pembolehubah yang mendokongi konstruk dalam tajuk kajian	
(3)	Memastikan senarai objektif kajian mewakili semua konsep/pembolehubah yang mendokongi konstruk dalam tajuk kajian juga selari dengan komponen yang digambarkan dalam model/teori (kerangka konseptual kajian/kerangka teoritikal kajian)	
(4)	Menyatakan setiap objektif kajian di atas dalam bentuk ayat tanya dan jika perlu dipecahkan lagi kepada beberapa persoalan kajian yang lebih terperinci/kecil.	

Sifat objektif mesti sesuai dengan akronim SMART, iaitu *Specific, Measurable, Achievable and action-oriented, Realistic, Time defined*, yang bermaksud bahawa objektif mestilah spesifik, boleh diukur, boleh dicapai dan berpusatkan tindakan, bersifat realistik dan masa yang mencukupi. Jadual 2.5 merupakan senarai semak yang perlu diperhalusi oleh pengkaji untuk melihat apakah objektif dan persoalan kajian mereka menepati kehendak kajian yang dijalankan oleh mereka.

Kerangka Teori

Kerangka Konseptual ini bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat atau fasa dalam kajian. Kerangka teori juga boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berasaskan kajian terdahulu. Kerangka Konseptual ini akan menjadi panduan kepada kajian akan dilaksanakan (Wilkinson, 1991: 96). Kerangka teori juga boleh dijelaskan sebagai satu rangka kerja yang terkandung konsep dan hubungan sebab dan akibat yang berkaitan namun tidak semestinya menggambarkan realiti sebenarnya apa yang berlaku ketika membuat kerja lapangan. Jadual 2.6 merupakan senarai semak yang perlu ada dalam kerangka konseptual kajian kualitatif.

Jadual 2.6 Senarai semak kerangka konseptual kajian atau Kerangka Teoritikal Kajian

Bil	Perkara	Y/N
1	Memastikan gambarajah yang menunjukkan hubungkait antara komponen dalam satu model/kerangka teori adalah betul	
2	Menghuraikan/menjelaskan setiap komponen dalam model/kerangka teori yang digambarkan dan hubungannya antara satu sama lain dengan berdasarkan bagaimana pembina/penyaran kerangka teori/model membangunkannya.	
3	Bagi kerangka konseptual kajian, jelaskan teori/kajian berkaitan yang dirujuk sebagai asas pembinaannya (sama ada oleh penyelidik atau penyaran) dan bagaimana kerangka ini sesuai untuk menjawab persoalan-persoalan kajian	
4	Bagi kerangka teoritikal kajian, jelaskan teori yang dirujuk secara mendalam oleh penyaran dan bagaimana kerangka ini sesuai untuk menjawab persoalan kajian yang telah disenaraikan	
5	Membuat rumusan ringkas secara keseluruhan dengan memberikan rasional kepada pemilihan kerangka konseptual/teoritikal kajian dalam konteks 'kesesuaiannya' menjawab persoalan kajian	

Namun begitu dalam sesetengah bentuk kajian kualitatif kerangka teori ini tidak diperlukan khususnya dalam kajian yang berbentuk *grounded theory* kerana kajian itu sendiri akan membentuk teori yang tersendiri yang bebas terikat dengan teori yang sedia ada.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah bahagian yang perlu dijelaskan oleh pengkaji tentang harapan daripada hasil kajian yang dijalankan dalam bentuk sumbangan kajian kepada bidang kajian.

Jadual 2.7 Senarai semak kepentingan kajian

Bil	Perkara	Y/N
1	Menunjukkan bagaimana kepentingannya akan menyumbang kepada kajian dalam bidang yang sama dari aspek: (a) Pembolehubah baru yang akan dikaji, dan (b) Metodologi kajian (c) Sampel kajian (d) Hasil baru yang diharapkan (e) Perspektif baru/lain	

Jadual 2.7 merupakan senarai semak yang perlu diteliti oleh pengkaji tentang pengisian yang perlu diletakkan dalam kepentingan kajian.

Limitasi Kajian

Limitasi kajian bermaksud pengkaji membataskan kajian kepada skop yang mungkin berkait dengan masa tertentu, tempat tertentu, dan subjek tertentu. Biasanya tujuan batasan adalah untuk kajian terfokus, memudahkan penyelidik dan penyelia meneliti, supaya tidak menimbulkan persoalan kepada penyelia dan pembaca. Sebagai contoh pengkajian menulis, “Kajian ini hanya difokuskan kepada masalah gejala sosial di kalangan remaja Melayu di kawasan Lembah Klang.”

Jadual 2.8 Senarai semak batasan kajian

Bil	Perkara	Y/N
1	Menyatakan had kajian dari aspek metodologi kajian seperti sampel yang dipilih, instrumen yang dilaksanakan dan prosedur kajian yang dijalankan.	
2	Menyatakan had kesahan dan kebolehpercayaan kajian dari aspek ketekalan/replikasi dan generalisasi kajian	
3	Menyatakan had kajian dari aspek skop kajian seperti sebahagian daripada bidang yang lebih besar	

Jadual 2.8 merupakan senarai semak yang perlu diperhatikan oleh pengkaji dalam menulis Babatan kajian mereka.

Defenisi Operasi Kajian

Defini operasi kajian ialah bahagian yang menjelaskan perkataan tertentu dalam tesis pra lapangan atau kajian keseluruhan yang boleh meragukan pemahaman. Definisi ini bukanlah tempat untuk mendefinisi tajuk kajian, mendefinisikan sesuatu maksud yang sudah mudah difahami seperti perkataan 'lelaki' atau mendefinisikan sesuatu maksud yang remeh temeh seperti perkataan IPG dan UTM.

Apa yang perlu dilakukan ialah memilih perkataan dan seterusnya memberikan definisi perkataan tersebut mengikut apa yang difahami oleh penyelidik dan bukan berdasarkan kamus. Namun penyelidik boleh mendefinisikan dahulu seperti yang dijelaskan oleh kamus, tetapi konteks sebenarnya maksud yang dikehendaki ialah apa yang dikehendaki oleh penyelidikan dan bukan oleh kamus.

Jadual 2.9 Senarai semak definisi operasional

Bil	Perkara	Y/N
2	Bagi penyelidikan kualitatif , pastikan konsep utama/konstruk yang terkandung dalam objektif kajian diberikan maknanya berdasarkan konsepsi yang disarankan dalam kajian kepustakaan yang dipilih oleh penyelidik.	
3	Pastikan definisi yang diberi hanya yang dipakai oleh penyelidik untuk seluruh tesis dan tidak perlu menyatakan definisi lain yang juga ada (<i>Straight forward</i>).	

Jadual 2.9 merupakan senarai semak yang perlu dilihat oleh pengkaji dalam menulis definisi operasi mereka agar menetapi kehendak penulisan.

BAB KEDUA DALAM TESIS PRA LAPANGAN

Penulisan tesis dalam bab kedua adalah berkisar kepada tinjauan kepustakaan yang melibatkan aspek selari yang menjadi perbincangan ketika penulisan objektif dan persoalan kajian. Secara umumnya tinjauan kepustakaan merupakan tempat untuk menyediakan latar

belakang dan konteks untuk setiap masalah penyelidikan yang dilaksanakan. Selain itu, tinjauan kepustakaan juga perlu mewujudkan keperluan untuk penyelidikan yang akan dijalankan dan menunjukkan bahawa penulis berpengetahuan tentang bidang kajian yang dijalankan (Wiersma, 1995: 406).

Faedah tinjauan kepustakaan menurut Fraenkel & Wallen (1990) adalah untuk pengkaji berkongsi kepada pembaca hasil kajian terdahulu yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kajian yang akan dilaporkan oleh pengkaji. Manakala menurut Marshall & Rossman (1989) bahawa tinjauan kepustakaan bertujuan menghubungkan kajian lalu dengan satu kajian lanjutan kini yang lebih besar dari segi topik perbincangan serta dapat menggambarkan bahawa kajian yang dijalankan akan mengisi ruang-ruang kosong untuk kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Selain itu, tinjauan kepustakaan bertujuan untuk menyediakan satu rangka kerja yang menggambarkan kepentingan kajian dalam masa yang sama sebagai penanda aras untuk membandingkan hasil kajian pengkaji dengan penemuan kajian sebelum ini. Justeru, sebaik-baiknya tinjauan kepustakaan perlu dilakukan oleh seorang pengkaji sebelum dia membuat keputusan untuk memulakan sesuatu kajian.

Tujuan daripada penulisan tinjauan kepustakaan ialah untuk pengkaji dapat membuat ulasan bentuk, tahap, kaedah, kelebihan dan kekurangan secara padat terhadap kajian atau tulisan terdahulu dalam bidang kajian yg sama serta dapat mengumpulkan maklumat lengkap, memilih metode terbaik untuk kajiannya, melihat kepentingan dan signifikan kajian, serta dapat memilih analisis yang paling sesuai untuk kajiannya.

Jadual 2.10 Senarai Semak tinjauan kepustakaan

Bil.	Perkara	Y/N
(1)	Pastikan bahagian pendahuluan menggambarkan topik yang akan dibincangkan dalam bab ini secara ringkas dan keseluruhan.	
(2)	Bagi kajian tertentu, perlu dimuatkan maklumat latarbelakang yang difikirkan perlu pembaca tahu untuk konteks perbincangan seterusnya. (Contohnya, tentang sesuatu institusi, sistem dan lain-lain).	
(3)	Membincangkan topik berkaitan huraian definisi konstruk/konsep dalam tajuk kajian dengan berdasarkan rujukan-rujukan yang sah.	
(4)	Membincangkan topik berkaitan huraian komponen konstruk/konsep dalam tajuk kajian dengan berdasarkan rujukan-rujukan yang sah.	
(5)	Membincangkan topik berkaitan setiap konstruk/pembolehubah dalam semua objektif kajian yang disenaraikan dengan berdasarkan rujukan yang sah. Pastikan setiap konsep dan elemen yang membina maksud konstruk/pembolehubah telah digali sehingga tepu dari sebanyak mungkin rujukan.	
(6)	Membincangkan teori yang mendasari model/kerangka konseptual yang digunakan dalam bab 1	
(7)	Membincangkan model-model yang ada selain yang diketengahkan dalam bab 1 dengan tujuan memberi gambaran keseluruhan dan mengapa model yang dipilih dalam bab 1 paling sesuai.	
(8)	Membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan objektif kajian dan pernyataan masalah dengan iritis (Contoh, membuat sintesis dan memberi hujah).	
(9)	Membuat rumusan dengan mensintesis arah aliran 'ilmu' yang menjadi asas kepada tesis berdasarkan maklumat yang dinyatakan sebelumnya.	

Manakala bahan yang hendak dikaji dalam tinjauan kepustakaan adalah merangkumi buku, kitab, tesis dan kajian, dan jurnal. Manakala fokus penulisan pula adalah menyentuh kepada sinopsis serta evaluasi dari segi kelebihan dan kekurangan kajian, tulisan, laporan, dan dapatan terdahulu. Selain memberi sinopsis, pengkaji juga boleh mengelaskan bentuk dan jenis kajian dahulu dengan disusun daripada kajian yang lama sehingga kepada kajian

yang baru baru atau dari kajian yang umum kepada kajian yang khusus. Seterusnya berdasarkan kekurangan yang didapati daripada tinjauan yang dilakukan barulah pengkaji menyatakan rasional untuk penyelidikan baru.

Jadual 2.10 adalah merupakan senarai semak yang perlu ada dalam penulisan tinjauan kepustakaan agar penulisan yang ditulis benar-benar mantap dan membantu kepada perbincangan setelah kerja lapangan dilakukan.

BAB KETIGA DALAM TESIS PRA LAPANGAN

Bab ketiga penulisan tesis pra lapangan dalam penyelidikan kualitatif adalah menyentuh kepada metodologi kajian dan jadual kerja.

Metodologi Kajian

Metodologi membawa maksud cara menjalankan kajian atau penyelidikan secara teori dari bacaan dan rujukan yang telah dirujuk bagi memahami cara menjalankan penyelidikan tersebut. Perbincangan metodologi terkandung dalamnya rekabentuk kajian, responden atau sampel kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, tatacara atau prosedur pemerolehan data, tatacara penganalisisan data, jadual kerja, dan rujukan.

Bahagian kaedah atau prosedur adalah otak kepada penyelidikan. Segala aktiviti penyelidikan perlu dijelaskan dengan terperinci sebaik yang mungkin, serta setiap kesinambungan antara aktiviti tersebut perlulah jelas (Wiersma 1995, 409). Jadual 2.11 merupakan senarai semak pengkaji dalam memastikan penulisan metodologi kajian dapat disemperunakan dengan sebai-baiknya dalam penyelidikan kualitatif.

Jadual 2.11 Senarai semak metodologi kajian

Bil.	Perkara	Y/N
(1)	Pendahuluan: Menerangkan secara ringkas komponen kandungan dalam bab ini.	
(2)	Rekabentuk kajian (a) Membincangkan rekabentuk kajian yang dipilih iaitu dari segi maksud rekabentuk dengan merujuk pelbagai sumber dan bagaimana rekabentuk sesuai untuk menjawab objektif / persoalan/hypothesis kajian (b) Memberikan rasional kepada pemilihan rekabentuk	
(3)	Responden/sampel kajian (a) Membincangkan rasional pemilihan sampel/responden yang terlibat dalam memberikan data kepada penyelidik (b) Menerangkan jenis teknik persampelan yang digunakan (sistematik, purposive, snowball dan lain-lain) serta prosedurnya (c) Menyatakan peranan yang dimainkan oleh sampel/responden dalam konteks memberikan input/data yang perlu.	
(4)	Lokasi kajian (a) Menerangkan tentang tempat data dikutip. (b) Menerangkan mengapa lokasi berkenaan dipilih dalam konteks menepati objektif kajian.	
(5)	Instrumen kajian. (a) Menerangkan format instrumen yang digunakan untuk mengutip data. (b) Menerangkan tentang bagaimana item instrumen ini dibina bagi konstruk yang hendak diukur kajian (content validity) serta rujukan (pakar dan buku ilmiah). (c) Menerangkan proses kajian rintis untuk memurnikan instrumen. (d) Menerangkan pembaikan item instrumen yang dibuat berdasarkan maklumbalas dari rintis.	

	<ul style="list-style-type: none"> (e) Jika mengadaptasi instrument yang sedia ada, jelaskan sumbernya, telah mendapatkan kebenaran, nyatakan mengapa dan bagaimana adaptasi dilakukan. (f) Bincangkan kesan bias disebabkan kehadiran penyelidik dan perakam video dalam tempat kajian jika relevan. (g) Pastikan soalan berstruktur temubual/thinking aloud/restrospektif/temubual kumpulan fokus yang dibina berdasarkan objektif kajian, rekabentuk kajian, kajian literatur dan model kajian yang dikemukakan. (h) Pastikan panduan item yang hendak dibuat pemerhatian selari dengan item-item dalam soalan berstruktur di atas. (i) Pastikan dokumen yang akan dianalisis dijelaskan mengapa ia sesuai untuk ditriangulasikan maklumatnya serta sebutkan nama/jenis/penerbit dokumen yang dianalisis (j) Kesahan dan kebolehppercayaan dibincangkan dengan jelas untuk mengelakkan kekeliruan 	
(6)	<p>Tatacara/prosedur pemerolehan data</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Menerangkan tentang prosedur atau langkah mengutip data survey atau intervensi yang dilakukan dari aspek masa, pelaksanaan kepada sampel, dan tempat (b) Jika gunakan kaedah pemerhatian dan temubual nyatakan dengan jelas siapa yang menjalankan pemerhatian dan temubual, waktu dan bilangan jumlah jam pemerhatian, lokasi dan bagaimana menjalankannya (c) Jelaskan bagaimana dokumen akan didapati dari mana-mana sumber dan kerelevanannya 	
(7)	<p>Tatacara penganalisisan data</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Memastikan skala bagi setiap pembolehubah yang hendak diukur betul (b) Terangkan pendekatan analisis data yang dipakai dan bagaimana ia akan dilakukan. Cth: Constant comparative method, inductive analysis dan lain-lain (c) Terangkan bagaimana trianguasi digunakan semasa penganalisisan data dijalankan (d) Terangkan bagaimana reliability dan validity dipastikan 	

Jadual Kerja

Bahagian terakhir daripada bab tiga penulisan tesis pra lapangan ialah penulisan jadual kerja. Penulisan jadual kerja biasanya dirangka kepada kajian yang melibatkan kos atau tajaan. Jadual ini merupakan rangka kerja dari peringkat awal hingga akhir kajian, iaitu sehingga pelaporan keseluruhan.

Jadual 2.12 Gant chart jadual kerja penyelidikan

Aktiviti	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	J
Tulis Proposal	■												
Pilot Study		■	■										
Tulis Questionnaire				■	■								
Kajian Lapangan						■	■	■	■	■			
Menghuraikan data										■	■	■	
Serah Laporan													■

Di samping itu, jadual kerja dirangka berdasarkan tahap pencapaian objektif, berdasarkan kos dan masa, serta dirangka dalam bentuk Gant Chart. Sebagai contoh Gant Char seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.12.

KELEMAHAN PELAJAR DALAM TESIS PRA LAPANGAN

Tinjauan terhadap tulisan pelajar serta daripada penilaian terhadap tesis yang dilakukan oleh penulis mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan yang ketara dalam penulisan tesis

pelajar pra lapangan. Secara ringkas kelemahan ini termasuklah kurang berjaya mengorganisasikan penulisan dan strukturnya; kurang fokus, kesatuan, dan kesepaduan dalam perbincangan; tulisan melompat-lompat dan tidak mempunyai wacana; ayat yang berulang-ulang dan berjela-jela, gagal memetik kata-kata yang penting dalam tulisan yang diambil; gagal mengikuti perkembangan semasa; gagal menilai secara kritikal tulisan yang diambil, mengambil rujukan yang tidak relevan bahkan lagi remeh temeh; terlalu bergantung kepada sumber sekunder.

Kelemahan lain yang juga penting ialah permasalahan kajian yang ditulis tidak jelas; rujukan yang digunakan tidak menepati bidang atau permasalahan kajian serta tidak begitu terkini, mengambil masa lama untuk menyiapkan penulisan dan sewajarnya untuk kajian kualitatif pengkaji sepatutnya bersegera untuk menulis dan bersegera untuk turun lapangan. Hal ini kerana bagi kajian kualitatif pemprosesan data itu mengambil masa yang lebih lama berbanding kuantitatif.

Aspek lain yang tidak penting tentang kelemahan pelajar tetapi boleh mencatatkan tulisan mereka ialah dari segi persembahan tulisan yang buruk dari segi tulisan, kesalahan menaip, warna dan kualiti kertas, format, font dari segi saiz dan bentuk, *binding*, dan gaya bahasa dan juga nahu.

RUMUSAN

Artikel ini telah membincangkan dengan panjang lebar peranan tesis pra lapangan kajian, iaitu dari segi panduan untuk penyelidik, panduan untuk penyelia, dan sebagai buku perjanjian. Selain itu artikel ini menjelaskan perkara penting sebelum menulis tesis pra Lapangan, kandungan tesis pra lapangan penyelidikan kualitatif, bab pertama dalam tesis pra Lapangan, bab kedua dalam tesis pra Lapangan, dan bab ketiga dalam tesis pra Lapangan. Akhir sekali tulisan ini juga telah mengupas kelemahan pelajar dalam tesis pra Lapangan.

RUJUKAN

- Creswell, J.W. 1994. *Research design: qualitative & quantitative approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (1990). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Locke, L. F., Spirduso, W. W., & Silverman, S. J. (1987). *Proposals that work: A guide for planning dissertations and grant proposals* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1989). *Designing qualitative research*: Newbury Park, CA: Sage.
- McMillon, J. H., & Schumacher, S. (2000). *Research in Education: A Conceptual Introduction* (Fifth ed.), New York: Longman.
- Pajares, F. (2007). *Elements of a proposal*. USA: Emory University. <http://www.des.emory.edu/mfp/proposal.html>, (25.3.2012)
- Wiersma, W. 1991. *Research methods in education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.